

Headline	Jangan singkirkan mereka		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	12	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	632 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,476
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,428



# Jangan singkirkan mereka

*Tindakan ini membuatkan penghidap HIV/Aids lebih sengsara*

Sejak kes pertama HIV/Aids yang dilaporkan di negara ini pada tahun 1986 memaksa kerajaan melakukan pelbagai usaha bagi menangani masalah ini.

Tidak cukup dengan agensi kerajaan, diwujudkan pula pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dengan hasrat membendung masalah ini. Jelas menunjukkan virus maut ini amat berbahaya membuatkan kerajaan begitu serius berusaha mengekangnya.

Sempena Hari Aids Sedunia pada 1 Disember ini, *Sinar Harian* mendapatkan pandangan orang terpenting dalam membantu mengurangkan masalah ini iaitu, Presiden Majlis Aids Malaysia, Tan Sri Mohd Zaman Khan.

Beliau kini begitu aktif dalam kerja-kerja sosial dalam menyelamatkan rakyat Malaysia khususnya daripada terjebak dengan najis dadah yang semakin serius selepas statistik menunjukkan jangkitan kuman HIV antara tiga hingga empat orang sehari.

Ikuti wawancara wartawan, **ROBIATULADAWTYAH ABD RASHAD** dan **SITI ZUBAIDAH MAT ISA** serta jurufoto **MUHAMMAD RIDZUAN ISMAIL**.

**Apakah peranan dan inisiatif Majlis Aids Malaysia (MAM) dalam membantu orang yang hidup dengan HIV dan memperjuangkan isu yang berkaitan dengan HIV/Aids.**

**MOHD ZAMAN:** Majlis Aids Malaysia (MAC) ditubuhkan pada 1992 untuk berkhidmat sebagai panyung organisasi bagi menyokong dan menyelaraskan usaha dan inisiatif mengenai isu berkaitan penularan HIV/Aids, termasuk bantuan dari segi penjagaan, rawatan, sokongan bagi kumpulan ini.

Majlis Aids Malaysia, yang terdiri daripada Sekretariat dan Ahli-ahli Gabungan, juga giat bekerjasama dengan agensi kerajaan, swasta, dan organisasi antarabangsa, bagi memastikan respons yang komited dan berkesan oleh badan bukan kerajaan yang bertungkus-lumus dalam memastikan isu berkaitan HIV/Aids di Malaysia dapat diselesaikan dengan sempurna.

Sekretariat Majlis Aids Malaysia juga menyediakan latihan, bantuan sokongan, menyediakan dana yang diperlukan dan sumber rujukan lain untuk melaksanakan program yang efektif dan berkesan untuk menyebarkan kesedaran kepada orang

Headline	Jangan singkirkan mereka		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	12	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	632 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,476
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,428

awam melalui maklumat terkini dan tepat mengenai epidemik HIV/Aids kepada semua peringkat masyarakat di Malaysia, termasuk isu stigma dan diskriminasi yang dialami mereka.

**Berapakah bilangan orang hidup dengan HIV di Malaysia dan apakah statistik terkini tercatat di negeri yang terjejas dengan HIV?**

**MOHD ZAMAN:** Kes pertama HIV di Malaysia telah dilaporkan pada 1986. Sejumlah 91,362 kes-kes HIV dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sehingga akhir 2010, dan lebih 70 peratus daripada jangkitan HIV dilaporkan secara keseluruhan berlaku dalam kalangan pengguna dadah secara suntikan. Berdasarkan kajian pada 2009, KKM menganggarkan bahawa terdapat 170,000 pengguna dadah secara suntikan di negara ini. Satu kaji selidik dijalankan pada tahun sama dalam kalangan pengguna dadah secara suntikan di sekitar Lembah Kelang mencatatkan prevalen (ke-laziman) HIV setinggi 22.1 peratus.

Sementara itu, statistik HIV mengikut negeri pada 2010 menunjukkan terdapat empat negeri yang mencatatkan kadar insiden HIV lebih tinggi berbanding kadar insiden negara (12.9 kes bagi setiap 10,000 penduduk). Kelantan merekodkan insiden HIV tertinggi di Malaysia pada kadar 28.8/10,000; dan ini diikuti Pahang (24.8/10,000), Kuala Lumpur (18.0/10,000) dan Johor (15.5/10,000).

**Berapakah jumlah orang hidup dengan HIV dalam kalangan wanita dan jangkitan kepada bayi yang dilahirkan?**

**MOHD ZAMAN:** Hasil penelitian jumlah wanita dijangkiti HIV meningkat iaitu 47 peratus daripada jumlah orang hidup dengan HIV daripada pengguna dadah suntikan. Ini satu trend yang tidak sihat, sungguhpun kita telah membekal jarum, juga kondom kerana salah satu cara jangkitan ini adalah melalui seks tidak selamat. Mengikut rekod, jumlah wanita yang terlibat dengan dadah suntikan adalah rendah. Saya syak rata-rata mereka mendapat jangkitan

melalui hubungan seks bukan dengan suntikan walaupun ada se-gelintir yang memang mendapat daripada suntikan. Pemberian kondom itu bukanlah berniat menggalakkan hubungan luar nikah, tetapi sejak akhir ini gejala seks luar nikah adalah meluas. Perbuatan membunuh nyawa yang diberikan Allah itu adalah lebih berdosa dan kejam. Bagaimanapun, MAM dan NGO yang lain berusaha mencari langkah pencegahan bukan sahaja membendung penularan HIV tetapi masalah pembuangan bayi. Kadar jangkitan bayi hasil hubungan individu yang positif HIV adalah rendah iaitu 0.05 peratus. Keadaan ini berlaku disebabkan komitmen dari segi rawatan serta ubat-ubatan yang diberikan KKM kepada ibu mengandung di klinik atau hospital kerajaan.

**Tan Sri, mengapakah masih ada pengurangan penyaluran maklumat mengenai HIV di masyarakat umat Islam dan bagaimana kerjasama strategik bersama Jakim dapat mengatasi dan mengurangkan penularan HIV/Aids di kalangan umat Islam, terutama di kawasan luar bandar?**

**MOHD ZAMAN:** Ya, masih ada pengurangan dari segi penyaluran maklumat dan pendedahan mengenai maklumat yang tepat mengenai HIV/Aids dalam kalangan umat Islam, terutama di pedalaman dan luar bandar disebabkan saluran informasi terkini tidak dapat sampai segera disebabkan faktor stigma dan diskriminasi serta perasaan rendah diri yang dialami mereka. Golongan ini selalu dipinggirkan masyarakat setempat. Oleh itu, MAM mengambil inisiatif bergerak dengan bekerjasama dengan agensi kerajaan tempatan, jabatan agama tempatan, tokoh masyarakat, hinggan sekolah dan ahli belia masyarakat diajak untuk memupuk program kesedaran bahayanya HIV. Kita perlu sedar mengenai bahaya stigma dan diskriminasi terhadap kumpulan ini, adalah perlu dan penting bagi mereka yang hidup dengan HIV bagi mendapat-

kan bantuan penjagaan, rawatan serta sokongan moral dan kerohanian dengan segera. Kita bekerja rapat dengan Jakim, penglibatan secara aktif agensi agama dalam memberikan sokongan dan bantuan langsung kepada orang hidup dengan HIV seperti membina rumah perlindungan untuk individu HIV positif, termasuklah menyalurkan bantuan kewangan. Sepanjang itu, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) antara yang paling aktif dalam memberi bantuan kepada orang hidup dengan HIV dengan mewujudkan rumah perlindungan.

**Apakah usaha atau inisiatif yang dimainkan MAM untuk memupuk kesedaran awam dan menyampaikan maklumat terkini dan tepat mengenai HIV di kalangan masyarakat luar bandar?**

**MOHD ZAMAN:** Kebanyakan aktiviti MAM difokuskan dalam usaha advokasi dan peningkatan kesedaran terhadap Aids di Malaysia bagi meningkatkan komitmen daripada pemimpin politik dan kerajaan, swasta dan tokoh masyarakat, terutama dengan masyarakat di luar bandar serta memperkukuhkan usaha pencegahan penularan HIV/AIDS. Dalam masyarakat konservatif, HIV dan khususnya isu yang berkaitan dengan seks, penyalahgunaan dadah dan hubungan seks sejenis adalah topik yang sukar untuk dibincangkan dan untuk ditindak susulan.

Sejak awal 1990-an, peningkatan jangkitan HIV semakin terserlah, MAM telah meningkatkan tumpuan pada penyediaan penjagaan dan sokongan untuk mereka yang dijangkiti. Kegiatan lain yang berkaitan daripada MAM melalui organisasi, Yayasan Aids Malaysia, yang berpusat dalam pengumpulan dana yang juga telah memberikan sumbangan bagi peningkatan kesedaran HIV/Aids.

**Bagaimanakah pandangan Tan Sri berhubung penerimaan masyarakat terhadap orang yang hidup dengan HIV, terutama ada yang melibatkan ahli keluarga sendiri? Sekiranya mereka**

Headline	Jangan singkirkan mereka		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	12	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	632 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,476
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,428

**dibuang keluarga dan masyarakat, apakah peranan yang dimainkan MAM untuk menangani masalah ini.**

**MOHD ZAMAN:** MAM amat tidak menggalak dan tidak menyokong keluarga yang mempunyai ahli keluarga yang hidup dengan HIV mengabaikan tanggungjawab mereka dan mendekati orang yang mereka sayangi kerana takut berdepan dengan situasi sebenar, iaitu terkena

jangkitan HIV. Di situ bermulalah masalah isu stigma dan diskriminasi terhadap orang yang hidup dengan HIV, yang MAM ambil peranan dan amat prihatin dalam memperjuangkan isu berkaitan dengan HIV serta memperjuangkan hak orang yang hidup dengan HIV/Aids. Kami MAM akan memberi sokongan dari segi moral, aspek perubatan dan khidmat nasihat bagi membantu mereka ini terutama yang tidak berkemampuan

dan terpinggir.

**Apa pandangan MAM dengan langkah penguatkuasaan yang dilakukan oleh kerajaan setakat ini?**

**MOHD ZAMAN:** Penguatkuasaan undang-undang dadah di negara ini adalah keras. Bagaimanapun kita telah menggunakan kaedah avokasi dengan polis dan badan penguat kuasa yang lain.



**Ikuti liputan lebih terperinci dan penyelesaian kepada masalah ini dalam program Khidmat Syariah, Saluran Astro 114 (TV AlHijrah) jam 9.30 malam ini.**

